



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (190288-0)

Tingkat 5, Menara P 1,
No 46, Jalan Dagang, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel +60 3 2095 3030
Fax +60 3 2095 2127

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Utusan Malaysia
Date :	23/10/2015

RUSSAINI AMRAN

Kejatuhan nilai ringgit tidak beri kesan kos projek MRT

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Pelaksanaan projek pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang tidak membawa kesan kepada kerajaan dari segi kos dalam keadaan kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (**gambar**) berkata, nilai kesemua kontrak pembinaan termasuk kontrak kerja sistem yang melibatkan kontraktor luar negara adalah dalam mata wang ringgit.

Beliau berkata, kontrak berkenaan telah dimeterai sebelum nilai ringgit mengalami kemerosotan.

"Dalam hubungan ini, sebarang kenaikan kos yang berlaku disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit akan ditanggung kontraktor.

"Sehingga kini, kenaikan kos yang ditanggung oleh kontraktor adalah sebanyak RM600,000," katanya yang juga Menteri Kewangan dalam jawapan bertulis kepada **Datuk Ahmad Fauzi Zahari (BN-Setiawangsa)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan,



status Projek MRT Laluan Satu ini masih mengikut jadual yang ditetapkan dan telah mencapai tahap 70.21 peratus kemajuan.

Fasa satu projek iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka mula beroperasi hujung tahun ini manakala fasa kedua melibatkan laluan dari Semantan ke Kajang dijadual siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017.